



NEWSLETTER

Disediakan Oleh:

DATIN ROZITA TALHA

Pengarah Kanan, BPPD

KAJIAN KES IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN KEPADA PENDUDUK MALAYSIA



KES PERTAMA COVID-19 DI MALAYSIA

Kes pertama *novel coronavirus* 2019 (COVID-19) atau dikenali sebagai 2019-nCoV di Malaysia telah disahkan pada **25 Januari 2020** melibatkan tiga warga Cina yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura pada 23 Januari 2020. Pada ketika ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menasihatkan rakyat Malaysia supaya tidak melancong ke negara China.

Sumber: BERNAMA

PERTAMBAHAN BILANGAN KES POSITIF

Bilangan kes positif menunjukkan peningkatan **hampir lima kali ganda** dan daripada **dua angka kepada tiga angka** bermula pada 15 Mac 2020 iaitu dengan 190 kes berbanding 41 kes pada hari sebelumnya. Angka ini telah mendatangkan kebimbangan pertambahan bilangan kes positif yang boleh **meningkat secara *exponential*** sekiranya tiada tindakan pencegahan dibuat.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERMULA

Pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk semua negeri di Malaysia bagi tempoh **18 hingga 31 Mac 2020** dengan mengambil kira 14 hari tempoh inkubasi virus COVID-19. Memandangkan bilangan kes positif tidak menunjukkan penurunan, maka PKP Fasa 2 telah disambung sehingga **14 April 2020**.

BERAPA RAMAI YANG TERKESAN?

JUMLAH PENDUDUK

33,782.40
(‘000)


BANDAR

25,891.6
(‘000)

LUAR BANDAR

7,890.7
(‘000)

BILANGAN PENDUDUK MENGIKUT NEGERI



Sumber: Berdasarkan data Unjuran Penduduk tahun 2020.

PKP yang dilaksanakan ini akan memberi kesan kepada 33.8 juta penduduk di Malaysia yang terdiri daripada 76.6 peratus tinggal di bandar dan 23.4 peratus di luar bandar.

Pelaksanaan PKP merupakan satu **tindakan pencegahan penularan** dengan cara memutuskan rantai COVID-19 terutamanya kepada pesakit yang dijangkiti daripada kontak yang tidak dikenali.

Tumpuan perlu diberikan kepada kawasan bandar atau kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi.

1



IMPAK KEPADA PENDUDUK

Impak daripada pandemik COVID-19 bukan sahaja tertumpu kepada ekonomi negara malahan ia juga memberi kesan kepada aspek sosial penduduk. Penduduk akan mengalami perubahan gaya hidup harian berbanding kehidupan sebelumnya seperti pekerjaan yang boleh menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan, aktiviti keagamaan dan hubungan sosial.


| Sektor | Golongan Terkesan | Kelebihan | Kelemahan |
|---------------------------------|---|--|---|
| Pekerjaan dan Perniagaan | <ul style="list-style-type: none"> Majikan Pekerja kerajaan dan swasta Peniaga Petani dan nelayan | <ul style="list-style-type: none"> Melahirkan pekerja yang berdisiplin Meneroka ilmu baharu (BDR) Meningkatkan penggunaan e-Dagang Bantuan pemasaran produk Pengecualian bayaran premis untuk PKS Subsidi upah Tambahan bayaran elaun Mewujudkan platform perniagaan yang baharu (cth: eBazar) | <ul style="list-style-type: none"> Hilang pekerjaan dan sumber pendapatan Permintaan dan jualan berkurang daripada pemborong dan peniaga Gangguan semasa bekerja (BDR) Perniagaan atau premis terpaksa ditutup Potongan gaji |
| Pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> Murid sekolah Pelajar IPT Guru dan Pensyarah | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan literasi komputer Sesi pembelajaran di rumah Merapatkan hubungan murid atau pelajar dengan ibu bapa Meningkatkan kemahiran mengajar secara online | <ul style="list-style-type: none"> Bahan rujukan yang terhad Kurang komunikasi lisan Akses internet terhad Pindaan sesi persekolahan dan ujian |
| Kesihatan | <ul style="list-style-type: none"> Penduduk bekerja Warga emas | <ul style="list-style-type: none"> Rehat yang mencukupi Pemakanan yang sihat Mengurangkan penularan virus COVID-19 Pengecualian bayaran bagi warga asing yang membuat saringan COVID-19 | <ul style="list-style-type: none"> Tekanan mental dan emosi Obesiti sekiranya gaya pemakanan tidak dijaga Bekalan makanan dan perubatan terhad Terputus bekalan makanan |
| Keselamatan | <ul style="list-style-type: none"> Semua penduduk | <ul style="list-style-type: none"> Kadar jenayah berkurang Kadar kemalangan jalan raya berkurang | <ul style="list-style-type: none"> Peningkatan <i>scammer</i> Penderaan dan keganasan rumah tangga Gelandangan Rakyat Malaysia terkandas di luar negara |
| Kebajikan | <ul style="list-style-type: none"> Semua penduduk | <ul style="list-style-type: none"> Bantuan tunai secara <i>one-off</i> dan berkala Bantuan makanan Bantuan sewa rumah Derma Golongan gelandangan dapat dikenal pasti Diskaun bil utiliti | <ul style="list-style-type: none"> Bantuan lambat sampai di kawasan pedalaman |
| Keagamaan | <ul style="list-style-type: none"> Penduduk mengikut agama | <ul style="list-style-type: none"> Beribadah bersama keluarga | <ul style="list-style-type: none"> Tempat ibadah tidak digunakan |
| Hubungan sosial | <ul style="list-style-type: none"> Semua penduduk | <ul style="list-style-type: none"> Lebih masa bersama keluarga Perpaduan di dalam komuniti Pakej internet percuma | <ul style="list-style-type: none"> Komunikasi melalui alam maya Pertambahan bilangan kelahiran |

Sumber: Liputan Berita dan Isu Semasa

2




BILANGAN KES POSITIF VS. SEMBUH



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

PKP Fasa 1 menunjukkan **tiada peningkatan yang mendadak** bagi kes positif dalam tempoh 14 hari pelaksanaannya. Bilangan pesakit sembuh menunjukkan **peningkatan selama empat hari berturut-turut** iaitu bermula pada 27 Mac 2020 sehingga 30 Mac 2020.

Bilangan kes positif semasa PKP Fasa 2 juga dilihat **tiada peningkatan yang mendadak** malahan ia menampakkan trend menurun walaupun bukanlah secara berturut-turut. Selain itu, terdapat **bilangan pesakit sembuh telah melebihi bilangan kes positif** iaitu pada 6, 8 dan 9 April 2020.



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Sehingga 8 April 2020, terdapat **65 kematian** atau 1.6 peratus daripada 4,119 kes positif COVID-19 di Malaysia. Berdasarkan bilangan kumulatif kes positif pada tarikh ini, Malaysia berada pada **kedudukan ke-31** daripada 183 negara terlibat.

KE Simpulan



Walaupun tiada peningkatan ketara bagi kes positif baharu, namun jumlah kumulatif mingguan kes baharu COVID-19 sejak PKP dilaksanakan pada 18 Mac 2020 masih menunjukkan peningkatan. Untuk melihat sama ada kita berjaya mengekang penularan wabak COVID-19 ataupun tidak, **data mingguan kes baharu** wabak ini mesti menunjukkan penurunan.

Pendamik COVID-19 adalah masalah global. Usaha yang diambil oleh kerajaan disemua negara dalam menanganinya ternyata memberi impak kepada penduduk negara masing-masing. PKP di Malaysia telah menunjukkan kesan positif dan pematuhan rakyat melebihi 95 peratus. Pelanjutan PKP dalam mengekang penularan wabak COVID-19 amat penting dalam memastikan kesihatan penduduk bebas dari jangkitan itu, namun ia akan memberikan impak negatif kepada sosial dan ekonomi penduduk secara keseluruhan.

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.